

H1N1: Sembilan kematian disahkan

Meningkat 27 kes, tujuh kes berisiko tinggi dan terdapat lewat dilaporkan



Wabak
H1N1

KOTA KINABALU - Sembilan lagi kematian akibat selesema babi atau Influenza A (H1N1) disahkan semalam, menjadikan jumlah kematian kepada 27 di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, tujuh kematian melibatkan kumpulan berisiko tinggi dan sesetengahnya dilaporkan lewat berikutan bedah siasat untuk kajian dan pengesahan punca kematian.

Beliau berkata, satu kematian dicatatkan 3 Ogos lalu, diikuti dua lagi (5 Ogos), empat (6 Ogos) dan satu lagi pada 8 Ogos lalu," katanya kepada media pada majlis penamaan semula Hospital Likas kepada Hospital Wanita dan Kanak Kanak Sabah di sini.

Tiong Lai berkata, dua daripada kes itu dari Sabah, yang pertama melibatkan seorang wanita obes berumur 24 tahun yang dirawat di Hospital Ranau pada 1 Ogos, yang demam dan batuk selama empat hari.

"Wanita itu kemudian dirujuk ke Hospital Queen Elizabeth (QEH) di sini pada 5 Ogos dan meninggal dunia pada hari yang sama.

"Satu lagi kes melibatkan lelaki berumur 74 tahun yang

S.H 10/8/09 MIS9

menghidap sakit jantung kronik yang dimasukkan ke QEH pada 3 Ogos, yang mengalami masalah kesukaran bernafas selama sebulan dan demam sehari saja. Lelaki itu meninggal dunia 6 Ogos," katanya.

Beliau berkata, kes lain termasuk pelajar wanita berumur 20 tahun yang dirawat sebagai pesakit luar bagi penyakit serupa Influenza (ILI) pada 1 Ogos dan meninggal dunia di bilik asrama, lima hari kemudian; seorang lelaki berumur 48 tahun yang menghidap asma dan hipertensi dari Sarawak, dan seorang lelaki obes berumur 37 tahun dari Johor.

Tiong Lai berkata, ketika ini, terdapat 62 kes yang sedang menerima rawatan di hospital dan 13 kes lagi dirawat di unit rawatan rapi (ICU), manakala lima lagi kes disyaki H1N1 turut ditempatkan di ICU bagi menunggu keputusan.

"Setakat ini di Sabah, kes H1N1 yang disahkan ialah 402 kes, dua kematian, tujuh sedang dirawat di hospital iaitu seorang dalam ICU dan tujuh lagi kes ILI, sementara menunggu pengesahan," katanya.

Beliau berkata, terdapat kanak-kanak yang terlibat tetapi tidak mempunyai butiran. Dimaklumkan 35 sekolah ditutup di Sabah akibat wabak H1N1.

Sementara itu, di KUALA LUMPUR, Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr



● LIOW TIONG LAI

Mohd Ismail Merican berkata, sejumlah 202 kes baru H1N1 melibatkan jangkitan tempatan.

Dr Mohd Ismail berkata, dengan ini jumlah terkumpul kes H1N1 di Malaysia ialah 1,780 kes.

Beliau turut meminta orang ramai serius mengambil langkah pencegahan dan rawatan segera.

Mereka dalam kategori berisiko tinggi ialah kanak-kanak lima tahun ke bawah, warga tua berusia 65 tahun ke atas, wanita hamil, berpenyakit asma, paru-paru kronik, kegagalan fungsi organ, penyakit kardiovaskular, penyakit hati, penyakit sistem darah, penyakit saraf, diabetes, obes dan mempunyai daya ketahanan badan yang rendah.

Dr Mohd Ismail berkata, maklumat H1N1 boleh didapati melalui hotline yang beroperasi jam 8 pagi hingga 5.30 petang di talian 03-88810200 dan 03-88810300 atau layari web kementerian di <http://www.moh.gov.my> dan <http://h1n1.moh.gov.my> - Bernama

rawat
kronik